

30/10/2003

Pelantikan TPM urusan Abdullah, kata Dr M

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak akan mempengaruhi bakal penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam soal pemilihan timbalan perdana menteri yang baru.

Perdana Menteri berkata, Abdullah sendiri juga tidak meminta nasihatnya mengenai siapa bakal dipilihnya bagi mengisi jawatan nombor dua dalam kerajaan itu, yang akan kosong esok.

"Tak ada, tak ada, tak ada. Tidak ada nasihat, itu urusan beliau," kata

Dr Mahathir sambil menoleh ke arah Abdullah yang duduk di sebelah kanannya dalam sidang akhbar selepas sembahyang Tarawih di Masjid Negara malam tadi.

Terdahulu, Perdana Menteri bersama Abdullah dan beberapa menteri Kabinet menghadiri Majlis Bantuan Hari Raya dan Berbuka Puasa anjuran Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan.

Ditanya wartawan asing apakah nasihatnya kepada Abdullah yang akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri kelima Jumaat ini, Dr Mahathir berkata beliau tidak perlu memberi nasihat kerana penggantinya itu tahu apa yang perlu dilakukan.

Beliau berkata, Abdullah tahu bahawa semua keputusan yang dibuat kerajaan selama ini adalah atas persetujuan semua jemaah menteri.

"Jadi kita tahu apa yang kita buat selama ini termasuk nasihat saya. Beliau bebas untuk melakukannya dengan cara beliau sendiri tetapi saya tidak fikir beliau akan melakukan perubahan terhadap sebarang dasar-dasar utama," katanya.

Ditanya perasaannya menjelang 48 jam lagi untuk berundur daripada kerajaan, Dr Mahathir berkata beliau tidak sabar untuk menanti hari persaraan itu.

"Saya sudah melaluinya. Kini giliran yang lain pula. Saya telah melaluinya 22 tahun. Saya tidak boleh komplek. Saya gembira. Kalau pun saya hidup 100 tahun, akan masih ada perkara yang tidak boleh dilakukan oleh mereka yang lain. Saya tidak boleh komplek," katanya.

Mengenai ketiadaan pemimpin Islam terutama di Asia Barat serta negara Arab lain yang mempertahankannya apabila dikecam hebat oleh dunia Barat berikutan kenyataannya mengenai kaum Yahudi menguasai dunia melalui proksi, Perdana Menteri berkata beliau tidak mengharapkan mereka berbuat demikian.

"Saya kata apa yang benar. Jika mereka (pemimpin Islam lain) membuat kenyataan (menyokongnya), sudah pasti akan dikenakan tekanan serta sekatan (oleh Amerika Syarikat). Tetapi saya tahu mereka bersimpati dengan saya," katanya.

Beliau berkata, masyarakat Eropah harus menilai diri sendiri kerana mereka mahu seluruh dunia membayar apa yang mereka lakukan ketika

perang,  
dengan membunuh enam juta orang Yahudi.

Katanya, beliau sama sekali tidak menyesal dengan kenyataannya ketika Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) itu kerana negara paling berkuasa di dunia membelakangi apa yang berlaku kepada umat Islam sejagat.

"Tetapi jika anda mengatakan sedikit saja menentang Yahudi, mereka akan mengambil tindakan. Ini bermakna, Yahudi amat berpengaruh di barat, di Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand.

"Jadi apa yang saya katakan itu adalah betul kerana reaksi yang saya dapat daripada kenyataan saya. Bila mereka menggelar orang Islam sebagai pengganas dan Rasulullah sebagai ketua pengganas, tiada siapa yang berkata apa-apa," katanya.